

LAPORAN LATIHAN ILMIAH TAHUN AKHIR.

SISTEM MAKLUMAT TUNTUTAN ELAUN

Oleh

NORAZLENA MAMAT

(WEK 98241)

di bawah bimbingan

CIK NORAZLINA KHAMIS

Laporan Latihan Ilmiah ini diserahkan kepada

*Fakulti Sains Komputer dan Teknologi Maklumat
Universiti Malaya, Kuala Lumpur*

2001

*Bagi memenuhi sebahagian daripada syarat penganugerahan ijazah sarjana muda
sains komputer dengan kepujian*

Penghargaan

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah s.w.t kerana dengan ilmpuan dan IzinNya, akhirnya dapat juga saya menyempurnakan projek Latihan Ilmiah ini walaupun dalam keadaan yang serba kekurangan.

Sehubungan itu setinggi-tinggi penghargaan dan Jutaan terima kasih yang tak terhingga buat Cik Norazlina Khamis selaku penyelia bagi latihan ilmiah ini kerana telah banyak membantu dan memberikan segala tunjuk ajar terutamanya semasa saya menghadapi masalah dalam melaksanakan latihan ilmiah ini. Tidak ketinggalan juga untuk Puan Rodina Ahmad selaku moderator kerana sudi meluangkan masa untuk menilai laporan ini.

Sekalung penghargaan juga ingin saya sampaikan buat keluarga tersayang terutamanya buat Ayahanda dan bonda yang saya hormati dan kasih, Haji Mamat bin Mohd Min dan Hajah Zainon binti Omar ke atas kesabaran dan segala kasih sayang yang telah dicerahkan. Tidak lupa juga buat abang-abang, kakak-kakak dan adik tersayang; terima kasih di atas segala sokongan yang telah dilberikan selama ini.

Jutaan terima kasih juga buat semua rakan seperjuangan terutama kepada seseorang yang istimewa dalam diri saya, teman rapat sekullah dan rakan-rakan serumah yang telah banyak memberi dorongan dan semangat serta perangsang kepada saya selama ini. Dan buat semua yang terlibat secara langsung dalam menjayakan latihan ilmiah ini; terima kasih, jasa kalian amat dihargai.

Norazlina Mamat

Fakulti Sains Komputer dan Teknologi Maklumat

Universiti Malaya.

Abstrak

Muka Surat

Perkembangan teknologi dan industri komputer yang semakin pesat dan canggih, kini telah menjadi medan utama bagi menguruskan penggunaan maklumat dalam sesebuah organisasi. Sistem-sistem maklumat berdasarkan komputer adalah penting dalam usaha pembangunan sumber manusia agar kejayaan dapat dicapai seiring dengan perkembangan teknologi, selain meningkat kualiti serta produktiviti suatu yang dijalankan.

Sistem maklumat tuntutan elaun adalah satu sistem yang dapat membantu melancarkan proses permohonan elaun supaya dapat diuruskan dengan lebih sistematik oleh semua pihak pengurusan di bahagian sumber manusia di sesebuah organisasi. Setiap maklumat berkenaan tuntutan yang dilakukan akan dikendalikan berdasarkan jenis elaun yang dituntut. Dengan adanya sistem ini, akan membantu kakitangan dalam mengemaskinikan segala maklumat mengikut kesesuaian masa. Bagi memastikan sistem ini mudah digunakan dan dapat memenuhi keperluan sebenar pengguna, ia telah dibina berorientasikan antaramuka grafik pengguna.

Sistem ini sebahagian besar melibatkan input data tuntutan bagi seseorang kakitangan itu sama ada tuntutan elaun, perolehan imbuhan tetap atau tuntutan bayaran insentif. Sistem ini akan memudahkan pengurusan tuntutan kerana setiap maklumat penting berkenaan tuntutan dapat disimpan secara sistematik dalam pangkalan data. Selain itu, laporan yang dapat dijanakan melalui sistem ini turut memudahkan pengguna.

SENARAI KANDUNGAN

PERKARA	Muka Surat
<i>Penghargaan</i>	i
<i>Abstrak</i>	ii
<i>Kandungan</i>	iii
<i>Senarai Rajah</i>	vi
<i>Senarai Jadual</i>	vii
Bab1-Pengenalan	
1.1 Objektif	2
1.2 Skop Sistem	3
1.3 Sasaran Pengguna Sistem	4
1.4 Perancangan Sistem.	4
1.5 Pengenalan Ringkas Setiap Bab	6
Bab2-	
2.1 Pengenalan	8
2.1.1 Apakah Sistem?	8
2.1.2 Apakah Maklumat?	8
2.1.3 Takrif Sistem Maklumat	9.
2.1.4 Menguruskan Sistem Maklumat	9
2.1.5 Mengenai Sistem Maklumat Pengurusan	10
2.2 Kajian Awal	12
2.3 Kaedah Pencarian Maklumat	13
2.4 Hasil Daripada Temubual	14
2.4.1 Kategori Kumpulan Kakitangan	14
2.4.2 Jenis-jenis tuntutan..	16.
2.5 Sebab-sebab bagi pembangunan sistem	24.
2.6 Masalah yang bakal dihadapi.	24
2.7 Perbandingan Antara Sistem Maklumat.	25
Bab3-	
3.0 Pengenalan	27
3.1 Objektif Analisa Sistem	27
3.2 Hasil Analisa Sistem.	28
3.3 Cadangan Sistem.	29

3.4 Objektif Sistem Yang Dicadangkan	30
3.5 Keperluan Sistem	31
3.5.1 Keperluan Perkakasan	31
3.5.2 Keperluan Perisian	31
3.5.3 Mengapa memilih Visual Basic 6.0?	32
3.5.4 Pemilihan aplikasi Microsoft Access 97.	32
3.6 Metodologi Sistem.	33
 <i>Bab4-</i>	
4.1 Pengenalan	36
4.2 Rekabentuk skrin	36
4.3 Rekabentuk antaramuka pengguna.	39
4.3.1 Interaksi Umum.	40
4.3.2 Paparan Maklumat	41
4.4 Rekabentuk Sistem	41
4.4.1 Kaedah Hubungan Entiti	42
4.4.2 Diagram Aliran Data (Data Flow Diagram)	44
4.5 Rekabentuk Pangkalan Data	45
4.6 Hirarki Menu Sistem	55
4.6.1 Cadangan rekabentuk menu utama sistem	57
 <i>Bab5-</i>	
5.1 Definisi Pengkodan	66
5.2 Pengaturcaraan Visual Basic 6.0	67
5.3 Pengaturcaraan Pangkalan Data	68
5.4 Spesifikasi Kod SMTE	70
5.4.1 Modul SMTE	70
5.4.2 Fungsi-fungsi Utama SMTE	71
5.5 Antaramuka Pengguna	73
5.6 Implementasi Sistem	74
 <i>Bab6-</i>	
6.0 Pengujian Terhadap SMTE	77
6.1 Objektif pengujian	77
6.2 Langkah-langkah pengujian	79
6.2.1 Pengujian unit	81
6.2.2 Pengujian modul dan integrasi	83

	Halaman
SEHARAI RAJAH	5
Bab7- Sistem Pengurusan	5
7.1 Pengenalan	87
7.2 Perancangan Masa Hadapan	89
7.3 Cadangan	90
7.4 Penilaian Sistem	91
Kesimpulan	93
Rujukan	95
Lampiran	97
9. Rajah 9 : Diagram aliran data	44
10. Rajah 10 : Rekabentuk skrin menu hierarki Sistem.	53
11. Rajah 10 : Rekabentuk skrin login	57
9. Rajah 9 : Rekabentuk menu utama	58
10. Rajah 10 : Rekabentuk skrin kemazukan data	59
11. Rajah 11 : Rekabentuk menu cawang	61
12. Rajah 11 : Rekabentuk skrin input data alam	61
13. Rajah 12 : Rekabentuk menu imbuhan setap	62
14. Rajah 13 : Rekabentuk skrin input data imbuhan setap	63
15. Rajah 14 : Rekabentuk menu bayaran insentif	64
16. Rajah 15 : Rekabentuk skrin input data bayaran insentif	65
17. Rajah 16 : Langkah-langkah Pengguna	69

SENARAI RAJAH	Halaman
1. Carta Gantt	5
2. Rajah 1: Komponen bagi Sistem Maklumat	9
3. Rajah 2: Model Prototaip.	35
4. Rajah 3: Contoh rekabentuk skrin yang biasa.	39
5. Rajah 4: Diagram Hubungan Entiti	43
6. Rajah 5: Diagram aliran data	44
7. Rajah 6: Menu Hirarki Sistem.	55
8. Rajah 7 : Rekabentuk skrin login	57
9. Rajah 8 : Rekabentuk menu utama	58
10.Rajah 9 : Rekabentuk skrin kemasukan data	59
11.Rajah 10 : Rekabentuk menu elauan	60
12.Rajah 11 : Rekabentuk skrin input data elauan	61
13.Rajah 12 : Rekabentuk menu imbuhan tetap	62
14.Rajah 13 : Rekabentuk skrin input data imbuhan tetap	63
15.Rajah 14 : Rekabentuk menu bayaran insentif	64
16.Rajah 15 : Rekabentuk skrin input data bayaran insentif	65
17.Rajah 16 : Langkah-langkah Pengujian	80

SENARAI JADUAL

Halaman

1. Jadual 1: Jenis tuntutan elauan yang boleh dipohon oleh kakitangan tertentu.	18
2. Jadual 2: Pebandingan antara entiti dan hubungan	42
3. Jadual 3: Struktur pangkalan data jadual password	45
4. Jadual 4: Struktur pangkalan data jadual kakitangan	45
5. Jadual 5: Struktur pangkalan data jadual imbperumahan	46
6. Jadual 6: Struktur pangkalan data jadual imbkeriaian	47
7. Jadual 7: Struktur pangkalan data jadual imbka	47
8. Jadual 8: Struktur pangkalan data jadual bi_bhs	48
9. Jadual 9: Struktur pangkalan data jadual bi_pakar	48
10. Jadual 10: Struktur pangkalan data jadual bi_galakan	49
11. Jadual 11: Struktur pangkalan data jadual bi_pegawai	49
12. Jadual 12: Struktur pangkalan data jadual bi_jawi	50
13. Jadual 13: Struktur pangkalan data jadual elaunbantu	50
14. Jadual 14: Struktur pangkalan data jadual elaun_mangku	51
15. Jadual 15: Struktur pangkalan data jadual elauntanggung	51
16. Jadual 16: Struktur pangkalan data jadual elaunpakaian	52
17. Jadual 17: Struktur pangkalan data jadual elaun_istiadat	53
18. Jadual 18: Struktur pangkalan data jadual elaunpenyelia	53
19. Jadual 19: Struktur pangkalan data jadual ekhastadbir	54
20. Jadual 20: Struktur pangkalan data jadual reports.	54

BAB SATU

PENGENALAN

- OBJEKTIF
- SKOP SISTEM
- SASARAN PENGGUNA SISTEM
- PENGENALAN RINGKAS SETIAP BAB

1.0 Pengenalan

Sistem Maklumat Kakitangan adalah merupakan satu sistem yang dapat membantu memudahkan pihak pengurusan sesebuah organisasi itu untuk mengendalikan semua data-data dan juga maklumat bagi semua kakitangan dengan cara yang lebih sistematik dan teratur. Sistem ini digunakan oleh bahagian pengurusan sumber manusia di sesebuah organisasi contohnya seperti di Universiti Malaya sendiri. Bagi sistem yang akan dibina ini, maklumat yang akan digunakan adalah berdasarkan sumber daripada Bahagian Sumber Manusia di Universiti Malaya.

Disebabkan Sistem Maklumat Kakitangan ini dijangka dapat mengatasi masalah yang dihadapi dalam mengendalikan dan menguruskan rekod-rekod kakitangan berdasarkan polisi kerja yang telah ditetapkan dalam sesebuah organisasi itu. Diantara masalah yang sering dihadapi adalah:

- o Tidak dapat menyediakan maklumat yang terkini bagi keperluan untuk membuat keputusan contohnya bagi jawatan yang kosong yang wujud.
- o Seseorang individu yang tidak dibenarkan juga dapat mencapai maklumat disebab kawalan keselamatan yang lemah.
- o Kekerapan dalam transkripsi maklumat adalah terdedah kepada ralat dan tidak produktif.
- o Panjanaan laporan dan maklumat yang mangambil masa yang lama.

Dalam mengendalikan sesebuah organisasi itu, pihak pengurusan mempunyai peranan yang sangat berat dan tanggungjawab bagi perkara-perkara seperti berikut:

- o Pembentukan jawatan dan pembentukan semula jawatan.
- o Menguruskan permberian elaun dan bonus kakitangan.
- o Menentukan spesifikasi tugas.

- o Bertanggungjawab dalam menguruskan pengambilan, pemilihan, temujanji dan tempoh percubaan pekerja.
- o Latihan dan pembangunan.
- o Disiplin.
- o Peluang perjawatan yang sama rata dan pencegahan dari semua bentuk gangguan.
- o Pengurusan prestasi.

Oleh itu, dalam membina sistem ini, perkara-perkara seperti berikut mesti diambil kira bagi memastikan pengurusan sesebuah organisasi itu dapat berjalan lancar.

Disebabkan sistem ini merupakan satu sistem yang besar dan merupakan gabungan beberapa sistem lain, sistem maklumat kakitangan yang akan dibina ini hanyalah difokuskan kepada urusan berkaitan dengan elaun yang layak diperolehi oleh seseorang kakitangan itu. Biasanya dalam sesebuah organisasi itu, seseorang kakitangan adalah layak untuk mendapat elaun tertentu berdasarkan perkhidmatan dan juga sebab-sebab tertentu yang membolehkan tuntutan elaun terbabit. Tuntutan elaun terutamanya bagi sebuah organisasi yang besar seperti Universiti Malaya perlu diselenggarakan secara sistematik dan teratur supaya memudahkan kerja-kerja pihak pengurusan untuk mempertimbangkan tuntutan terbabit.

1.1 Objektif

Dalam membangunkan sistem ini, beberapa objektif utama telah dikenalpasti. Ini adalah untuk memastikan matlamat utama dapat dicapai dan tidak lari daripada sasaran sebenar. Antara objektif sistem yang dicadangkan ialah:

- o Meningkatkan mutu, penggunaan dan keberkesanan teknologi maklumat dalam menguruskan kakitangan dalam sesebuah organisasi.
- o Memenuhi keperluan pengguna sistem yang inginkan maklumat yang dapat dicapai secara cepat dan tepat.
- o Mengurangkan risiko kehilangan data atau data bertindih.
- o Mempercepatkan proses pengurusan tuntutan elaun yang dilakukan semaksimum yang mungkin.
- o Membantu menyelesaikan masalah kehilangan maklumat dalam sistem manual.
- o Menyelaraskan kerja pemprosesan dengan lebih sistematik kerana setiap tuntutan akan dikelaskan mengikut kategori kakitangan yang membuat tuntutan.

1.2 Skop Sistem

Sasaran utama bagi pembinaan Sistem Maklumat Kakitangan (Sistem Maklumat Tuntutan Elaun Kakitangan) adalah untuk kegunaan bahagian pengurusan sumber manusia di sesebuah organisasi. Tetapi secara khususnya sistem yang akan dibina ini adalah untuk kegunaan Bahagian Sumber Manusia di Universiti Malaya sebagai contoh organisasi yang dikaji. Dengan adanya sistem ini, tuntutan elaun daripada kakitangan akan lebih teratur dan semua rekod berkenaan terbabit dapat disimpan dengan lebih efektif.

1.3 Sasaran Pengguna Sistem

Bab ini terdiri daripada beberapa bahagian:

Sistem yang akan dibangunkan ini adalah untuk kegunaan bahagian pentadbiran di Bahagian Sumber Manusia. Sistem ini dibina bukan sahaja untuk memproses maklumat tentang tuntutan elaun kakitangan tetapi juga untuk membolehkan capaian ke atas data-data tentang rekod berkaitan kakitangan terbabit.

sistem dan perancangan pembangunan sistem.

Bab 2

1.4 Perancangan Sistem.

Bab kedua ini memberikan penjelasan kepada penyataan sasaran sistem yang akan

dibangunkan. Isi bahasan ini memerlukan hasil dari Bab 1. Skedul pembangunan sistem yang akan menunjukkan jangkamasa aktiviti-aktiviti dalam pembangunan sistem ini menunjukkan jangkamasa aktiviti-aktiviti dalam pembangunan sistem yang akan dijalankan. Ini ditunjukkan dalam Carta Gantt di muka sebelah. Dengan wujudnya skedul ini maka pembangun sistem dapat merancang serta melicinkan segala aktiviti yang menjadi keperluan di dalam pembangunan sebuah sistem.

Bab ini akan membincangkan tentang kaedah kerja sistem yang akan dibangunkan. Ini merupakan kaedah pengumpulan data, spesifikasi sistem dan model pembangunan yang akan digunakan, fasa analisa dan kerjahan analisis bagi sistem yang akan dibangunkan ini.

Bab 4

Bab ini akan menurunkan temang reka bentuk sistem yang akan dibangunkan ditengahnya melalui proses reka bentuk, reka bentuk pangkalan data reka bentuk antaranya hasil-hasil yang dipangkalan dan kesimpulan bagi keseluruhan sistem yang dicadangkan.

1.5 Pengenalan Ringkas Setiap Bab

Laporan ini terdiri daripada beberapa bab iaitu:

Bab 1

Dalam bab ini akan menerangkan tentang pengenalan ringkas tentang sistem yang akan dibangunkan, objektif, skop sistem, sasaran pengguna sistem dan perancangan pembangunan sistem.

Bab 2

Bab kedua pula memberikan pengenalan kepada pengenalan kepada sistem yang akan dibangunkan, kaedah pencarian maklumat, hasil yang didapati daripada temubual yang telah dijalankan, masalah yang akan dihadapi dalam implementasi sistem dan juga perbandingan antara sistem maklumat lain.

Bab 3

Pada bab ini akan membincangkan tentang kaedah kajian sistem yang akan dibangunkan. Ini merangkumi kaedah pengumpulan data, spesifikasi sistem dan model pembangunan yang akan digunakan, fasa analisis dan keperluan analisis bagi sistem yang akan dibangunkan itu.

Bab 4

Bab ini pula akan menerangkan tentang rekabentuk sistem yang akan dibangunkan dimana ia meliputi proses rekabentuk, rekabentuk pangkalan data rekabentuk antaramuka hasil-hasil yang dijangkakan dan kesimpulan bagi keseluruhan sistem yang dicadangkan.

Bab 5

Pengujian ke atas SMTE boleh diperolehi dalam bab ini. Jenis-jenis pengujian dan kandungan pengujian yang telah dijelaskan ketar SMTE. Boleh dilihat dengan

MASA	BULAN	Mac 2001				Apr 2001				Mei 2001				Jun 2001				Julai 2001				Ogos 2001				Sept 2001				
		1	2	3	4	1	2	3	4	1	2	3	4	1	2	3	4	1	2	3	4	1	2	3	4	1	2	3	4	
A	MINGGU																													
K	KAJIAN AWAL																													
T	KAJIAN LITERASI																													
I	ANALISA SISTEM																													
V	REKABENTUK SISTEM																													
T	IMPLEMENTASI																													
I																														

PETUNJUK:

=Tugasan yang telah siap

=Tugasan dalam perancangan

Bab 5

Pengujian ke atas SMTE boleh diperolehi dalam bab ini. Jenis-jenis pengujian dan kaedah-kaedah pengujian yang telah dijalankan keatas SMTE Boleh dilihat dengan lebih jelas sebelum ianya diimplementasikan kepada pengguna. Fasa ini juga menerangkan bagaimana ralat-ralat boleh diperbaiki akibat dari kesilapan semasa fasa rekabentuk dan implementasi.

Bab 6

Pada bab ini segala kelebihan dan kekangan yang terdapat pada SMTE diperjelaskan dengan lebih teliti.

Bab 7

Segala masalah-masalah yang dihadapi semasa membangunkan SMTE berserta penyelesaiannya diringkaskan dalam bab ini. Sistem ini juga turut dibuat penilaian secara ringkas begitu juga dengan perancangan masa depan serta cadangan untuk meningkat keupayaan sistem.

Bab 8

Kesimpulan dan penutup keseluruhan bagi laporan ini.

BAB DUA

KAJIAN LITERASI

- PENGENALAN
- KAJIAN AWAL
- KAEDAH PENCARIAN MAKLUMAT
- HASIL DARI TEMUBUAL
- SEBAB-SEBAB PEMBANGUNAN SISTEM
- MASALAH YANG BAKAL DIHADAPI
- PERBANDINGAN ANTARA SISTEM MAKLUMAT

2.0 Kajian Literasi.

2.1.1 Apakah Sistem Maklumat.

Laporan ini akan menerang kajian ringkas yang dijalankan bagi mengumpul sumber-sumber maklumat tentang proses-proses tuntutan elaun.

Sistem maklumat kini penting bagi hampir kesemua organisasi kerana maklumat adalah sumber organisasi yang berkuasa.[3]

2.1 Pengenalan.

Penggunaan maklumat adalah sangat penting dalam sesuatu organisasi bagi membantu memenuhi keperluan dan melaksanakan segala tugas-tugas termasuklah tugas-tugas pengurusan. Oleh itu, perlunya sesebuah organisasi itu mempunyai suatu sistem maklumat yang efisyen supaya penggunaan maklumat secara optimum dapat dicapai.

2.1.1 Apakah Sistem?

Suatu sistem adalah sekumpulan elemen-elemen yang disatukan dengan tujuan umumnya bagi mencapai satu objektif. Sesebuah organisasi seperti firma atau kawasan fungsian (*functional area*) sesuai dengan takrif tersebut. Organisasi tersebut ini mengandungi sumber-sumber utama seperti kakitangan, bahan, mesin (termasuklah kemudahan dan tenaga), wang dan data (termasuklah maklumat) dan bekerja ke arah mencapai objektif tertentu yang telah ditentukan oleh pemilik atau pihak pengurusan.[10]

2.1.2 Apakah Maklumat?


Data yang telah disusun dengan cara yang membawa makna (nilai) kepada pengguna dalam menyiapkan tugas atau menyelesaikan masalah.[2]

2.1.3 Takrif Sistem Maklumat.

Sistem maklumat adalah satu set yang terdiri daripada manusia, prosedur dan sumber-sumber yang mengumpul, menukar dan menyebarkan maklumat dalam suatu organisasi. Ia dibangunkan untuk tujuan yang berbeza, bergantung kepada keperluan perniagaan. Sistem maklumat kini penting bagi hampir kesemua organisasi kerana maklumat adalah sumber organisasi yang kritikal.[2]

2.1.4 Menguruskan Sistem Maklumat

Sebuah sistem maklumat adalah satu set komponen-komponen bagi elemen-elemen yang saling berhubung yang mengumpulkan (input), manipulasi dan menyimpan (proses) dan menyebarkan (output) data dan maklumat dan menyediakan satu mekanisma maklumbalas.



Rajah 1: Komponen bagi Sistem Maklumat

Maklumbalas adalah kritikal kepada kejayaan operasi bagi sebuah sistem. Dalam usaha untuk menguruskan data dan maklumat, beberapa organisasi telah menerima fahaman pengurusan sumber maklumat (*information resource management*) untuk mengawal dan menggunakan data-data dan maklumat-maklumat organisasi supaya banyak kelebihan boleh diperolehi seperti pekerja, modal, bahan mentah, dan sumber-sumber yang lain. Sesungguhnya, bagi kebanyakan organisasi, maklumat boleh menjadi aset mereka yang

paling bernilai. Teknologi maklumat juga memberikan pihak pengurusan satu cabaran untuk menjadikan maklumat sebagai satu senjata untuk bersaing.[8]

Dimensi	Sistem	Sistem	Sistem	Sistem
2.1.5 Mengenai Sistem Maklumat Pengurusan (Management Information System)	Transaksi	Pengurusan	Keputusan	Eksekutif

Tujuan utama bagi Sistem Maklumat Pengurusan adalah untuk menolong sesebuah organisasi untuk mencapai objektifnya dengan menyediakan pihak pengurusan dengan pemahaman terhadap operasi biasa bagi organisasi supaya mereka boleh mengawal, menyusun dan merancang dengan lebih berkesan dan efisyen. Secara ringkasnya, satu sistem maklumat pengurusan boleh menyediakan pihak pengurusan dengan maklumat yang digunakan untuk menyediakan maklumbalas kepada pelbagai operasi perniagaan.[7]

Satu peranan penting bagi sistem maklumat pengurusan adalah untuk memperbaiki keberkesanan dengan menyediakan maklumat yang tepat kepada cara yang tepat dan pada masa yang tepat. Ringkasan laporan dihasilkan untuk menyokong pihak pengurusan dengan menyediakan meraka dengan data dan maklumat bagi membuat keputusan. Perbezaan utama antara laporan yang dijanakan oleh sistem maklumat pengurusan adalah laporan tersebut menyokong proses membuat keputusan oleh pihak pengurusan pada peringkat pengurusan yang lebih tinggi, dimana keputusan yang dibuat adalah cenderung untuk menjadi kurang berstruktur dan kurang rutin.

Dimensi	Sistem	Sistem	Sistem	Sistem
Pengurusan	Maklumat	Sokongan	Maklumat	

2.1.6 Perbandingan diantara beberapa sistem sokongan berkomputer yang utama.[6]

Dimensi	Sistem Pemprosesan Transaksi	Sistem Maklumat Pengurusan	Sistem Sokongan Keputusan	Sistem Maklumat Eksekutif
Aplikasi	Pengurusan gaji, inventori, penyimpanan rekod, pengeluaran dan maklumat jualan.	Pengeluaran, kawalan, jualan, ramalan dan mengawasi.	Rancangan strategik jangka panjang, gabungan masalah yang kompleks.	Menyokong pada keputusan pihak atas dan kajian persekitaran.
Fokus	Transaksi data	Maklumat	Keputusan, kelenturan, kebolegunaan (ramah pengguna).	Menjejak, mengawal, 'drill-down' 'Timeline'
Pangkalan data	Unik bagi setiap aplikasi, 'batch update'	Capaian interaktif oleh pengaturcara.	Sistem pengurusan pangkalan data, capaian interaktif, 'fractual knowledge'	Luaran (atas-talian dan korporat, capaian luas kepada semua pangkalan data).
Dimensi	Sistem Pemprosesan	Sistem Maklumat	Sistem Sokongan	Sistem Maklumat

	Transaksi	Pengurusan	Keputusan	Eksekutif
Manipulasi	Numerikal	Numerikal	Numerikal	Kebanyakannya numerikal, sebahagian simbolik.
Jenis maklumat	Ringkasan laporan, beroperasi.	Berjadual dan memerlukan laporan, aliran berstruktur, pengecualian laporan.	Maklumat untuk menyokong keputusan yang tertentu.	Capaian status, pengecualian laporan, penunjuk kunci.
Peringkat organisasi yang paling tinggi yang dilayan	'submanagerial' dan pengurusan peringkat rendah.	Pengurusan pertengahan	Penganalisa dan pengurus	Eksekutif senior sahaja
Dorongan	Kesesuaian	Keefisyenian	Keberkesan	'Timeliness'

2.2 Kajian Awal

Secara umumnya pada peringkat ini, perbincangan telah pun dilakukan dengan penyelia projek iaitu Cik Norazlina Khamis bagi menentukan keperluan sistem yang akan dibangunkan. Selain daripada itu temubual juga telah dilakukan dengan seorang pegawai di Bahagian Sumber Manusia Universiti Malaya dalam membantu proses pengumpulan maklumat berkenaan sistem yang akan dibina ini.

Antara maklumat yang ingin diperolehi adalah berkenaan golongan kakitangan yang bekerja di Universiti Malaya termasuklah kakitangan di bidang akademik dan bukan akademik. Selain itu, maklumat yang paling penting yang ingin diperolehi daripada temubual terbabit adalah berkenaan tuntutan dan juga elaun-elaun yang wujud dan yang boleh diterima oleh seseorang kakitangan yang berkhidmat di sini. Ini termasuklah dengan prosedur-prosedur yang mesti diikuti oleh seseorang kakitangan itu sebelum membuat tuntutan elaun terbabit.

Proses tuntutan elaun oleh kakitangan dipertimbangkan dengan mengambil kira beberapa perkara tertentu yang boleh melayakkan tuntutan elaun itu dibuat. Prosedur ini akan menjadi rumit sekiranya ia diuruskan secara manual lebih-lebih lagi jika sesebuah organisasi itu merupakan sebuah organisasi yang besar seperti Universiti Malaya. Oleh itu dengan adanya pendekatan teknologi maklumat dalam menguruskan proses tuntutan elaun ini diharap dapat memboleh semua urusan dapat dikendalikan dengan lebih efektif dan sistematik.

2.3 Kaedah Pencarian Maklumat

Dalam usaha untuk merealisasikan sistem pengurusan maklumat ini, kaedah utama yang telah digunakan bagi mendapatkan maklumat dan juga data-data penting yang berkaitan adalah melalui kaedah temubual. Untuk mendapatkan kefahaman yang lebih baik, temuabual ini telah dilakukan beberapa kali. Ini juga dilakukan supaya sistem dihasilkan benar-benar memenuhi keperluan yang telah ditetapkan. Temubual ini telah dijalankan dengan Puan Fauziah Agus iaitu seorang pegawai di Bahagian Sumber Manusia Universiti Malaya. Beliau telah memberikan kerjasama sepenuhnya dalam membantu proses pengumpulan maklumat yang diperlukan bagi membangunkan sistem

ini. Antara maklumat penting yang diperolehi daripada beliau adalah berkenaan dengan tuntutan elaun yang layak diperolehi oleh seseorang kakitangan itu, syarat yang melayakkkan tuntutan dibuat dan juga jumlah diberikan bagi setiap elaun-elaun terbabit.

2.4 Hasil Daripada Temubual.

Setelah menjalankan temubual terbabit, semua maklumat yang telah diperolehi dikumpulkan dan dikaji untuk mendapatkan kefahaman yang lebih terperinci. Selain daripada itu, proses mengkaji dan menganalisa maklumat ini dilakukan agar sistem yang bakal dibangunkan dapat memenuhi sepenuhnya skop dan matlamat yang telah ditetapkan sebelum ini.

2.4.1 Kategori Kumpulan Kakitangan.

Terdapat beberapa kategori kakitangan yang berkhimat di Universiti Malaya ini. Kumpulan kakitangan ini dapat dibahagikan kepada tiga kategori utama iaitu kumpulan pengurusan tertinggi, kumpulan pengurusan dan profesional dan juga kumpulan sokongan. Jika UM digunakan sebagai contoh, kumpulan pengurusan tertinggi biasanya terdiri dari Naib Canselor, Timbalan Naib Canselor, Pendaftar dan Bendahari. Kumpulan pengurusan dan profesional pula terdiri daripada kakitangan pegawai atasan yang terlibat dalam pentadbiran dan pengurusan universiti dan juga kakitangan akademik seperti pensyarah. Manakala kategori kumpulan kakitangan yang terakhir iaitu kumpulan sokongan pula terdiri daripada kakitangan biasa yang berpangkat lebih rendah yang terlibat dalam bidang pengurusan dan sebagainya seperti pembantu teknik, pegawai tadbir, jururawat dan sebagainya. Setiap kategori kumpulan ini berhak untuk membuat tuntutan elaun berdasarkan syarat dan jumlah yang telah ditetapkan. Sila rujuk jadual disebelah bagi mendapat penjelasan yang lebih terperinci.

2.4.2 Jadual Perkiraan

JADUAL PEMBERIAN ELAUN DAN KEMUDAHAN MENGIKUT KATEGORI

KATEGORI	GRED GAJI	DU1	DG1	DS1	E1	F1	G1	J1	KP1	L1	M1	N1	Q1	S1	U1	W1		
I	A1	B1	C1	DG1	DU1	DS1	E1	F1	G1	J1	KP1	L1	M1	N1	Q1	S1	U1	
II	A2	B2	C2	DG2	E2	F2	G2	J2	KP2	L2	M2	N2	Q2	S2	U2	W2		
III					DU2	DS2												
IV	A3	B3	C3	DG3	DG7	E3	F3	G3	J3	J10	KP3	L3	M3	N3	Q3	S3	U3	W3
V	A4							G4	J4					N4	Q4		U4-U6	W4
VI	B4	C4	DG4	DG5	E4	F4	G5		KP4	L4		N5	Q5		S4	U7	W5	
VII	A5	B5	C5	DG6	E5	F5	G6	J5	KP5	L5		N6	Q6		S5	U8	W6	
VIII	A6	B6	C6		E6	F6	G7	J6	KP6	L6		N7	Q7	R1 R2	S6	U9 U11	W7	
IX	A7	B7	C7	DG8	E7	F7	G8	J7	KP7 KP8	L7	N8 N9	Q8	R3	S7	U10 U12	W8		
X	A8	B8	C8		E8	F8	G9	J8	KP9		N10	Q9	R4 R5	S8	U13	W9		
XI	A9-A11	B9	C9		E9	F9	G10 G11	J9	KP10		N11-N13	Q10	R6-R11	S9	U14-U16	W10		

Jadual ini membahagikan anggota dalam Kumpulan Pengurusan serta Kumpulan Sokongan kepada sebelas kategori mengikut Gred Gaji selaras dengan Klasifikasi Perkhidmatan masing-masing. Kategori ini akan digunakan bagi semua pemberian elaun dan kemudahan melainkan dinyatakan sebaliknya, di mana Klasifikasi Perkhidmatan, Gred Perkhidmatan, Jawatan dan Pangkat digunakan.

2.4.2 Jenis-jenis tuntutan.

Terdapat dua jenis elaun dan tuntutan yang diberikan kepada kakitangan iaitu satu daripadanya ialah elaun yang akan didapati sebaik seseorang itu diambil bekerja yang disebut sebagai imbuhan tetap dan yang kedua pula ialah elaun yang diperolehi melaui permohonan oleh seseorang kakitangan terbabit yang disebut sebagai bayaran insentif dan juga elaun tanggungjawab tambahan (bayaran balik perbelanjaan).

Imbuhan tetap terdiri daripada tiga jenis iaitu Imbuhan Tetap Perumahan, Imbuhan Tetap Keraian dan Imbuhan Tetap Khidmat Awam. Imbuhan Tetap Perumahan layak diperolehi oleh semua kategori kakitangan. Tetapi imbuhan ini akan dikecualikan kepada kakitangan yang menginap di quarters atau kediaman yang telah disediakan oleh organisasi. Imbuhan Tetap khidmat Awam pula hanya diperuntukkan kepada kumpulan pengurusan dan profesional dan juga kumpulan sokongan. Manakala Imbuhan Tetap Keraian pula hanya layak diperolehi oleh kumpulan pengurusan tertinggi dan kumpulan pengurusan dan profesional. Setiap imbuhan akan diberi berdasarkan kadar tertentu bergantung kepada kategori kakitangan dan juga kadar gaji yang diperolehi oleh kakitangan terbabit.

Bayaran insentif pula merupakan sejenis elaun yang perlu dipohon oleh kakitangan dan perlu mendapatkan perakuan oleh ketua jabatan masing-masing sebelum bayaran boleh diluluskan. Antara bayaran insentif yang boleh dipohon oleh kakitangan adalah Bayaran insentif Kemahiran Dua Bahasa Bagi Jurutrengkas, Bayaran Insentif Pegawai Kesihatan Awam, Bayaran Insentif pakar dan Bayaran Insentif Menaip Jawi. Bagi Bayaran Insentif Pakar, seseorang itu juga perlu mempunyai sijil sebagai bukti kepakaran yang diperolehi selain daripada surat perakuan daripada ketua.

Elaun Tanggungjawab Tambahan juga terdiri daripada beberapa jenis. Elaun ini juga perlu dipohon daripada ketua sebelum boleh diluluskan oleh Bahagian Sumber Manusia. Antara elaun yang boleh dipohon oleh kakitangan Universiti malaya adalah:

- Elaun Pembantu Khas
- Elaun Tugas Memandu Kenderaan
- Elaun Memangku
- Elaun Tanggungan Kerja
- Elaun Perjalanan Bagi Anggota Yang Menggunakan Kenderaan Yang Bukan Kepunyaan Sendiri Semasa Menjalankan Tugas Rasmi
- Elaun Makan
- Elaun Harian
- Elaun Lojing
- Bayaran Balik Sewa Hotel
- Bayaran Perbelanjaan Pengangkutan
- Bayaran Bantuan menyenggara Rumah
- Elaun Pakaian Panas.
- Elaun Lebih Masa
- Tuntutan Elaun-elaun kerana Berpindah Dari Rumah Sewa/Sendiri/Tumpangan ke rumah yang dibeli Melalui Skim Pinjaman Perumahan Kerajaan Dan Perpindahan Di Luar Kawalan.
- Bayaran Pakaian Istiadat.

Semua elaun ini layak dituntut oleh seseorang kakitangan itu jika memenuhi semua syarat yang telah ditetapkan bagi membolehkan tuntutan dibuat sebagaimana yang tertakluk dalam Perintah-perintah Am yang telah dikeluarkan di bawah kuasa Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong mengikut fasil(2) Perkara 132 dalam Perlembagaan. [Berkuatkasa mulai 1hb januari , 1974]

	VII-VIII	500-2000	>2000	
J. Imouhan	Cred Utama A	5000-7110	10000.00	Bulan sepanjang perkhidmatan
Timp Kersan	Cred Khas A	5000-7110	15000.00	sepanjang perkhidmatan
(ITK)	Cred Utama B	4340-6461	3000.00	1. dia yang menduduki rumah universiti tidak loyal dibayar ITP 2. kedihaman (max. 2 tahun) 3. dia yang menduduki rumah kedihaman yang disediakan oleh universiti (ctb Kg Awal) tidak layak dibayar ITP 4. dia yang meninggalkan jawatan 5. dia yang berpindah di luar kawalan

Jadual 1: Jenis tuntutan elaun yang boleh dipohon oleh kakitangan tertentu.

JENIS	KELAYAKAN / KATEGORI	GAJI (RM)	FORMULA / KADAR (RM)	KEKERAPAN	SYARAT
A. IMBUHAN TETAP					
1. Imbuhan Tetap Perumahan (ITP)	Gred Utama/Khas A		2000.00 sebulan	Bulanan	1. staf yang mendiami rumah universiti tidak layak dibayar ITP (had kediaman maks. 5 tahun)
	Gred Utama/Khas B		1600.00	Sepanjang perkhidmatan	
	Gred Utama/Khas C		1300.00		
	I		900.00		
	II-III		700.00		
	IV		110.00		
	V-XI		90.00		
	Perkhidmatan jurotengah bayar ditawarkan				
3. a) Bayaran insentif Pakar	Gred Akademik		2400.00 sebulan	Bulanan	memegang jawatan pentadbiran seperti pengetua kolej & penyelia kolej tidak dibayar ITP tetapi dibayar elaun perkhidmatan bersamaan dengan kadar ITP.
	Gred Utama/ Gred Khas di atas			sepangjang perkhidmatan	
	Gred Utama/ Gred Khas di atas		2200.00		
	Gred Utama/ Gred Khas di atas		1900.00		
	Gred Utama/ Gred Khas di atas		1700.00		
	Gred Utama/ Gred Khas di atas		1600.00		
2. Imbuhan Tetap Khidmat Awam (ITKA)	III	2546-3227	300.00 sebln	Bulanan	berdasarkan kelayakan profesional yang diberikan
	III	2545 ke bwh	170.00	sepangjang perkhidmatan	
	IV	2494 ke atas	300.00		
	IV	2493 ke bwh	170.00		
	V	1782-3174	170.00		
	VI-VII	775-2583	115.00		
	VIII-IX	530-2007	80.00		
3. Imbuhan Tetap Keraian (ITK)	Gred Utama A	5880-7110	4000.00	Bulanan	berdasarkan kelayakan profesional yang diberikan
	Gred Khas A	5880-7110	3300.00	sepangjang perkhidmatan	
	Gred Utama B	5340-6461	3050.00		

	Gred Khas B Gred Utama C Gred Khas C I I I II II III	5340-6460 4980-6021 4980-6020 3962 ke atas 3654-3691 3653 ke bwh 3363 ke atas 3362 ke bwh 3228 ke atas	2650.00 2500.00 2150.00 800.00 600.00 550.00 550.00 500.00 500.00 sebln		berkaitan dengan tuntutan di jabatan bahan Minikel dilayak sepanjang bayaran elain golongan berkenaan dengan bayaran Insentif Pegawai Kedua-dua Awam
B. BAYARAN INSENTIF					A. Bayaran Insentif di Fakulti Perubatan
1. Elaun Dua Bahasa Tidak Berpencen	Pembantu Tadbir (kesetiausahaana) Gred N9/N7 Jurutrengkas dilantik bawah Skim Perkhidmatan Jurutrengkas layak dibayar		85.00 sebln utk 100psm /25psm 100.00 sebln utk 120psm /30psm	Open-ended	Lulus trengkas Inggeris 80 psm dan menaip salinan trengkas sederas 20 psm 100psm/25psm 120psm/30psm tidak layak jika asalnya dilantik sebagai jurutrengkas Inggeris.
3. a) Bayaran Insentif Pakar	Staf Akademik Gred Utama/ Gred Khas dan ke atas I I I II III III IV IV	Semua dalam Gred Utama/Gred Khas ke atas 3962 ke atas 3654-3961 3653 ke bwh 3363 ke atas 3362 ke bwh 3228 ke atas 2546- 3227 2545 ke bwh 2494 ke atas 2493 ke bwh	2400.00 sebulan	Bulanan sepanjang perkhidmatan	1. bagi pensyarah perubatan (Gred Khas, DU1, DU2) di Fakulti Perubatan dan pensyarah (Gred Khas, DS1, DS2)di Fakulti Pergigian yang mempunyai MBBS/ BDS serta kelayakan professional yang diiktiraf.
	Pembantu Klinik		150.00 sebulan 100.00		3. staf akademik yang berkelayakan atas ijazah MBBS/BDS dan Ijazah PhD dalam

	Tanah (kemudahan awam) N7				bidang tertentu atau ijazah kepakaran serta berkhidmat di jabatan bukan klinikal dibayar sepenuhnya bayaran elaun galakan bersamaan dengan bayaran Insentif Pegawai Kesihatan Awam
3. Elaun Penangguhan utama dimana kesihatan pegawai diberi keleluasaan menjalankan tugas yang berkesan dengan mudah dan jujur secara kepentingan mutu yang lebih tinggi, sepadaya dari gaji jakaunya dalam perkhidmatan persekutuan berdasarkan keleluasaan.	Pegawai yang diberi keleluasaan menjalankan tugas yang berkesan dengan mudah dan jujur secara kepentingan mutu yang lebih tinggi, sepadaya dari gaji jakaunya dalam perkhidmatan persekutuan berdasarkan keleluasaan.				4. staf akademik di Fakulti Perubatan/ Pergigian yg berkelayakan Ijazah Sarjana /Diploma dlm bidang perkhidmatan awam atau ijazah yg setaraf serta berkhidmat di jabatan berkait dengan kesihatan awam layak dibayar insentif ini.
4. Insentif Menaip Jawi	Pembantu Tadbir (Perkeranian/ Operasi) Pembantu Tadbir (kesetiausaha)		300.00 sebulan	Tidak tetap/bulanan Open-ended	Yang bukan dilantik sebagai Jurutaip ditugaskan oleh ketua jabatannya sebagai Jurutaip Jawi disamping menjalankan tugas jawatan hakikinya. Lulus menaip kederasan 25 psm bertulis dan 30 psm naskah bercetak.
C. ELAUN <u>TANGGUNGAN/</u> <u>TAMBAHAN/</u> <u>BAYARAN</u> <u>BALIK</u> <u>PERBELANJAAN</u>					4. penangguhan utama dimana pegawai diberi keleluasaan menjalankan tugas yang berkesan.
1. Elaun Pembantu Khas	Pembantu Tadbir (kesetiausaha)		75.00 sebulan 100.00 sebulan		Bagi yang berkhidmat kepada pegawai pentadbiran,
	N9				

	Pembantu Tadbir (kesetiausahaann) N7			bayaran akan dibayar apabila gaji pokok pegawai berkenaan melebihi RM3364.00
2. Elaun Pemangkuuan -aturan dimana seseorang pagawai diberi kelulusan menjalankan tugas-tugas yang berkaitan dengan suatu jawatan.	Pegawai yang diberi kelulusan menjalankan tugas yang berkaitan dengan suatu jawatan secara sepenuh masa yang lebih tinggi grednya drai gred hakikinya dalam perkhidmatan pegawai berkenaan.	Elaun pemangkuuan ialah perbezaan diantara gaji permulaan jawatan yg dipangku dengan gaji hakiki pegawai dgn syarat: i) perbezaan itu tidak kurang drp satu pergerakan gaji, elaun pemangkuuan ialah sebanyak satu pergerakan gaji secara mendatar di atas tangga gaji jawatan yang dipangku ii) sekiranya gaji hakiki seseorang pegawai itu sama atau lebih tinggi dari gaji permulaan jawatan yg dipangku, elaun pemangkuuan ialah sebanyak satu pergerakan gaji secara mendatar di atas tangga gaji jawatan yang dipangku. iii) Pegawai yg memangku jawatan lebih		<p>1. pemangkuuan selama 28 hari berturut-turut termasuk cuti mingguan, kelepasan am dan juga cuti rehat atas sebab kecemasan serta cuti rehat secara terkumpul yg tidak melebihi 6 hari bekerja layak dibayar elauan pemangkuuan.</p> <p>2. jika tempoh tidak melebihi 92 hari berturut-turut termasuk hari kelepasan am, staf layak dibayar elauan pemangkuuan dalam keadaan berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> -meninggalkan jawatan untuk jalankan tugas rasmi -dibenar cuti sakit yg disokong cuti sakit <p>3. elauan dikira semula pada tiap-tiap kali tarikh pergerakan gaji tahunan atau pada bila-bila masa gaji pegawai berkenaan berubah.</p> <p>4. pemangkuuan kurang dari 6 bulan bagi jawatan tidak dibenarkan kecuali jawatan yang tidak dibenarkan kecuali jawatan yg tidakboleh ditanggungkerja</p>

			tinggi layak mendapat elaun-elaun yg layak dinikmati oleh jawatan lebih tinggi yg dipangku dan pada masa sama elaun pada jawatan hakikinya dihentikan.		boleh dikatakan tuntutan tuntutan yang tidak tinggi tidak boleh menggantung kepada jawatan yg bersifat sementara. Jika seorang pegawai tidak dibentuknya tuntutan yang sama bagi tuntutan pada setiap masa.
3. Elaun Penanggungan Kerja.	Pegawai yg diberi kelulusan menjalankan tugas-tugas dan		Elaun penanggungan kerja ialah sebanyak 25% daripada gaji		1. tanggungkerja selama 28 hari berturut-turut termasuk hari cuti mingguan, kelepasan am, cuti rehat atas sebab kecemasan, cuti sakit
	tanggungjawab suatu jawatan lain yg sama, lebih tinggi atau lebih rendah tarafnya di samping menjalankan tugas-tugas jawatannya sendiri.		permulaan jawatan yang ditanggung kerja. Bagi jawatan yg menetapkan tanggagaji permulaan yg berbeza-beza selain dari P1T1, maka gaji permulaan bagi tujuan perkiraan elaun penanggungan kerja ialah gaji permulaan yg terendah dalam skim perkhidmatan berkenaan. 500.00 Cuti Kurang Sebab-GTU OF		secara terkumpul tidak melebihi 6 hari bekerja layak dibayar elaun tanggungkerja. 2. sekiranya pegawai yg sedang tanggungkerja ambil cuti atau tinggalkan jawatan yg ditanggungkerja selama 14 hari atau lebih berturut-turut termasuk hari kelepasan am, alaun tanggungkerja diberhentikan bagi tempoh tersebut. 3. pegawai yg pernah diluluskan menganggungkerja satu jawatan dan kemudiannya diluluskan menganggungkerja jawatan yang sama boleh dibayar elaun ini jika dia menggenapkan tempoh tidak kurang dari 14 hari berturut-turut termasuk hari kelepasan am. 4. bagi penanggungan kerja jawatan yang lebih rendah dari taraf jawatan yg disandang, elaun ini hanya layak dibayar sekiranya kedua jawatan terlibat tidak ada

					hubungan taraf tinggi rendah. Pegawai ditaraf yang lebih tinggi tidak boleh tanggung kerja jawatan di bawah kawalannya. 5. seseorang pegawai tidak dibenarkan menanggung kerja lebih dari satu jawatan pada satu masa yang sama.
					6. bagi penanggungan kerja jawatan yang diwujudkan secara khas untuk penyandang (KUP), pembayaran didasarkan sama ada pada gred hakiki jawatan KUP itu atau gred hakiki pegawai yang menyandang, mengikut mana yang lebih rendah
4. Elaun Pakaian Panas	Staf akademik Staf eksekutif		Cuti sabatikal Staf sahaja - 450.00	3 tahun sekali	1. staf hanya dibenarkan menuntut elaun pakaian panas 3 tahun sekali tidak kira sama ada semasa cuti sabatikal, cuti belajar atau cuti berkursus.
			Cuti belajar Staf-750.00 Isteri/ suami- 500.00 1 anak- 250.00 2 atau lebih- 500.00 Cuti Kursus Staf-600.00		Perlu rekod dalam Buku Perkhidmatan Malaysia.
5. Bayaran Pakaian Istiadat	Staf dikurnia darjah kebsran			3 tahun sekali	300.00 700.00 utk PTD

2.5 Sebab-sebab bagi pembangunan sistem.

Salah satu sebab utama bagi pembangunan sistem adalah untuk menyediakan perkhidmatan yang lebih baik pada kos yang kurang atau tidak begitu besar. Ini kerana jika sebelumnya proses tuntutan elaun diuruskan secara manual oleh kakitangan di Bahagian Sumber Manusia, ia akan memerlukan lebih kakitangan bagi menguruskan semua tuntutan yang dibuat. Semua rekod-rekod tentang tuntutan elaun akan lebih tersusun kerana ia akan disimpan secara lebih sistematik dan semakan rekod-rekod terdahulu boleh dibuat dengan lebih menjimatkan masa. Antara lain, sistem ini juga dibangunkan kerana dengan adanya sistem ini setiap tugas-tugas yang dijalankan akan dapat diselesaikan dengan lebih tepat, lebih cepat dan dengan mengambil kira kawalan keselamatan yang lebih baik daripada sebelumnya.

2.6 Masalah yang bakal dihadapi.

Terdapat beberapa masalah yang mungkin dihadapi dalam mengimplementasikan sesebuah sistem maklumat itu dan boleh dikategorikan kepada beberapa bahagian [5]:

- Perkakasan - ini termasuklah kegagalan bagi pembekal perkakasan untuk membekalkan peralatan yang perlu dalam keadaan yang berfungsi, dalam jangkamasa dan harga yang telah dipersetujui selain daripada beberapa aspek masalah bagi perkakasan menjadi tidak sesuai untuk masalah tersebut.
- Perisian - Masalah akan timbul akibat perisian jika ia tidak direkabentuk, diimplementasi, diuji dan didokumentasikan dengan tepat dan secukupnya. Ini biasanya berlaku jika perisian telah dibina secara 'in-house' berbanding menggunakan satu pakej 'purpose-built'.

- Individu - individu yang dimaksudkan adalah perekabentuk sistem. Sistem yang dibangunkan mungkin tidak atau kurang mengambilkira keperluan sebenar pengguna yang bakal menggunakan sistem terbabit.
- Sumber kewangan - sumber kewangan yang tidak cukup bagi memperolehi perkakasan, membina perisian, melatih pengguna sistem, merancang, merekabentuk, dan mengimplementasikan sistem.

2.7 Perbandingan Antara Sistem Maklumat.

Terdapat banyak sistem pengurusan maklumat yang digunakan dalam pelbagai organisasi samada organisasi kecil atau besar. Dengan menggunakan sistem pengurusan maklumat segala proses dan kerja-kerja pengurusan dan pentadbiran sesebuah organisasi akan lebih teratur. Salah satu contoh sistem pengurusan maklumat yang digunakan sekarang adalah sistem pengurusan pelajar. Antara kelebihan sistem ini adalah, pelajar dapat membuat semakan, mengakses data, serta membuat rujukan dengan tepat dan cepat. Selain itu pihak pentadbiran pula dapat menguruskan semua rekod-rekod pelajar dengan lebih mudah tanpa perlu melibat banyak proses dan tidak memerlukan kakitangan yang ramai. Tetapi sistem yang dibangunkan juga mempunyai kelemahan tertentu antaranya sistem yang dibangunkan menawarkan maklumat yang terlalu umum dan adakalanya maklumat yang dipaparkan jarang dikemaskinikan.

Contoh sistem maklumat lain pula adalah sistem maklumat berkenaan bagi perpustakaan kecil. Sistem ini mempunyai kelebihan kerana dapat memastikan ketepatan dalam proses pemulangan buku, pembaharuan tarikh pinjaman, penempahan buku dan juga pencarian buku secara berkomputer. Antara lain, sistem ini juga membolehkan penerimaan yang lebih cepat dan mudah bagi setiap item dalam

pangkalan data bibliografi. Selain itu, sistem yang dibangunkan juga membenarkan penyelengaraan bagi setiap maklumat berkaitan kandungan, penerbit dan pengguna. Disebalik kelebihan yang diperolehi daripada sistem itu, terdapat beberapa kelemahan yang telah dikenalpasti. Antara kelemahan itu adalah tidak terdapat kemudahan dalam penghasilan laporan. Antara laporan yang mungkin boleh disertakan sekali dalam sistem ini adalah seperti maklumat terperinci buku yang terdapat di perpustakaan, notis bagi penempahan buku atau notis bagi kelewatan dalam pemulangan buku.

Daripada perbandingan sistem maklumat yang telah dijalankan, dapat disimpulkan disini iaitu untuk membangunkan satu sistem pengurusan maklumat yang baik, perancangan yang teratur dari setiap aspek sistem yang akan dibangunkan bagi memastikan kehendak pengguna sistem dapat dipenuhi.

BAB TIGA

ANALISA SISTEM

- PENGENALAN
- OBJEKTIF ANALISA SISTEM
- HASIL ANALISA SISTEM
- CADANGAN SISTEM
- OBJEKTIF SISTEM YANG DICADANGKAN
- KEPERLUAN SISTEM
- METODOLOGI SISTEM

3.0 Pengenalan

Analisa sistem adalah satu peringkat dimana penganalisaian keperluan-keperluan sistem dilakukan. Analisa keperluan pula adalah satu tugas dalam kejuruteraan perisian yang menghubungkan antara kejuruteraan perisian peringkat sistem dan rekabentuk perisian. Melalui analisa keperluan ini akan memberikan perwakilan maklumat, fungsi, dan kelakuan yang boleh diterjemahkan kepada data, senibina, antaramuka dan rekabentuk peringkat komponen. Antara lain analisa keperluan sistem ini juga terdiri daripada analisa tentang khidmat yang disediakan oleh sistem,kekangan-kekangan sistem, dan matlamat sistem yang akan dibangunkan. Semasa proses analisis sistem, matlamat utama adalah untuk memenuhi keperluan berikut iaitu:

- ◆ Menentukan keperluan sistem.
- ◆ Menganalisis keperluan sistem.
- ◆ Mendokumentasikan keperluan sistem.
- ◆ Membuat keputusan.

3.1 Objektif Analisa Sistem

Analisa sistem dijalankan berdasarkan kepada beberapa matlamat tertentu iaitu:

- ◆ Mengenalpasti keperluan sebenar pengguna terhadap sistem yang akan dibangunkan.
- ◆ Memastikan pemilihan perisian yang sesuai dan benar-benar berkesan dengan objektif untuk mencapai pembangunan sistem.

- ♦ Membuat penilaian sejauh mana sistem yang akan dibina berbeza dengan sistem yang telah digunakan.

Sesiah kerja-kerja menganalisa sistem dijalankan, kelebihan dan kekurangan menggunakan sistem semasa disedari. Antara lain, permasalahan sebenar dalam

3.2 Hasil Analisa Sistem.

Oleh itu, sistem yang diciptakan adalah dijadikan maklumat tuntutan elau

Kakitangan
Bagi mendapatkan maklumat tentang sistem yang akan dibangunkan, kaedah yang telah digunakan bagi memenuhi objektif dan keperluan sistem adalah daripada temubual dengan pagawai di Bahagian Sumber Manusia UM dan mengumpulkan maklumat tentang elaun dan tuntutan yang biasa dibuat di UM. Selain daripada itu, cadangan berkenaan sistem yang akan dibangunkan juga didapati dengan perbincangan dengan penyelia projek. Pengguna sasaran bagi sistem yang akan dibangunkan adalah kakitangan Bahagian Sumber Manusia bagi membolehkan kakitangan terbabit memproses tuntutan elaun yang dibuat dengan lebih teratur lagi.

Seterusnya, daripada maklumat yang telah diperolehi daripada kajian awal yang telah dijalankan, maklumat tersebut akan dianalisa bagi menentukan dan memastikan bahawa keperluan sistem yang akan dibangunkan dapat dipenuhi sepenuhnya. Antara lain, analisa ini juga dilakukan untuk menakrifkan objektif dan skop sistem. Daripada maklumat yang didapati itu, seterusnya akan diimplementasikan ke dalam bentuk yang lebih mudah difahami bagi meningkatkan kefahaman. Kaedah ini dapat digambarkan melalui analisa keseluruhan model sistem, peringkat-peringkat rajah aliran data bagi setiap modul dan jadual-jadual.

3.3 Cadangan Sistem.

Setelah kerja-kerja menganalisa sistem dijalankan, kelebihan dan kekurangan menggunakan sistem semasa dikenalpasti. Antara lain, permasalahan sebenar dalam sistem semasa juga dikenalpasti dan cuba diatasi dalam membina sistem yang sebenar. Oleh itu, sistem yang dicadangkan adalah dinamakan Sistem Maklumat Tuntutan Elaun Kakitangan. Sistem ini akan membolehkan seseorang kakitangan yang menguruskan tuntutan elaun memproses tuntutan terbabit dengan lebih sistematik. Ini kerana sistem ini membolehkan maklumat kakitangan yang membuat tuntutan diuruskan dengan lebih mudah, lengkap, dan tepat pada masa yang diperlukan kerana pengguna sistem akan dapat mencapai data-data yang disimpan dalam pangkalan data dengan mudah. Selain itu, jika sistem ini diuruskan secara manual, terdapat banyak data yang bertindan seterusnya menyebab laporan yang akan dihasilkan tidak tepat. Dengan sistem ini, masalah tersebut akan cuba diatasi dengan membuat kawalan yang baik terhadap data-data terbabit.

Dengan menggunakan sistem ini, setiap tuntutan daripada kakitangan akan dikelaskan berdasarkan kumpulan kakitangan yang membuat tuntutan terbabit sama ada daripada kumpulan pengurusan tertinggi, kumpulan pengurusan dan profesional dan kumpulan sokongan. Sebelum diproses oleh bahagian sumber manusia, setiap kakitangan yang ingin mendapatkan elaun untuk bayaran insentif dan elaun tanggungjawab tambahan/bayaran balik perbelanjaan perlu mendapat surat kelulusan daripada ketua masing-masing. Setelah itu barulah proses tuntutan akan dinilai. Nilai elaun yang layak diperolehi oleh seseorang kakitangan itu dikira dan kemudian maklumat ini akan dihantar kepada bendahari sebelum dimasukkan dalam sistem gaji. Jika sebelumnya semua ini dilakukan secara manual, ia akan menyulitkan kerja-kerja

pengiraan elaun dan akan menyebabkan proses tuntutan memakan masa yang lebih lama lagi. Oleh itu dengan terhasilnya sistem ini diharap semua aspek tersebut dapat diatasi.

Sistem Maklumat Tuntutan Elaun Kakitangan ini akan dibangunkan dengan menampilkan antaramuka yang menarik dan juga ramah pengguna bagi memudahkan kerja yang dilakukan. Selain itu, secara tidak langsung akan mengurangkan rasa bosan dengan bebanan kerja-kerja berbanding dengan menggunakan sistem secara manual. Ini kerana sistem secara manual yang melibatkan banyak penggunaan surat-surat dan kertas kerja akan menyebabkan urusan tuntutan rumit dan cerewet untuk dikendalikan dan tidak begitu sistematik jika terus digunakan kerana data yang perlu diuruskan adalah lebih kompleks.

3.4 Keperluan Perakaunan

3.4 Objektif Sistem Yang Dicadangkan

- ◆ Meningkatkan mutu, penggunaan dan keberkesanan teknologi maklumat dalam menguruskan kakitangan khususnya dalam proses tuntutan elaun dalam sesebuah organisasi.
- ◆ Memenuhi keperluan pengguna sistem yang inginkan maklumat yang dapat dicapai secara cepat dan tepat.
- ◆ Mengurangkan risiko kehilangan data atau data bertindih.
- ◆ Mempercepatkan proses pengurusan tuntutan elaun yang dilakukan semaksimum yang mungkin.
- ◆ Membantu menyelesaikan masalah kehilangan maklumat dalam sistem manual.
